

Kuin, KYS meterai MoU

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) melangkah setapak ke hadapan dengan memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Kolej Yayasan Sabah (KYS) di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Ia adalah merupakan kali pertama Kuin melebarkan sayapnya ke sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negeri bawah bayu.

Difahamkan, jalinan kerjasama itu menawarkan tiga program diploma berasaskan Islam secara sepenuh masa di KYS.

Exco Pendidikan, Pengangkutan dan Kerja Raya, Datuk Tajul Urus Mat Zain berkata, beliau berasa bangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh Kuin.

Beliau berkata, kerjasama itu secara tidak langsung juga dapat meningkatkan imej Kuin.

"MoU ini bukan sahaja membuktikan keyakinan Kuin kepada pihak luar, tetapi juga memberi semangat dan galakan kepada pelajar-pelajar untuk terus belajar di Kuin," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, antara program yang ditawarkan kepada KYS ialah Diploma Pengurusan Hotel dan Perkhidmatan Makanan Halal, Diploma

Insurans Islam serta Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah dilakukan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KYS, Datuk Kamal DE Quadra dan Rektor Kuin, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim.

Ia turut disaksikan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Sapawi Ahmad yang mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Tajul Urus yang mewakili Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Sementara itu, Mohd Yusof berkata, tujuan MoU itu dibuat adalah bagi meningkatkan akses pengajian tinggi ke tempat lain, misalnya Sabah.

"Ia kerana bukan semua pelajar di Sabah boleh datang melanjutkan pengajian di Kedah. Maka ini adalah antara alternatif yang dibuat oleh Kuin untuk meluaskan bidang pengajian itu.

"Perkara ini memang sudah menjadi sebahagian daripada rancangan akademik untuk meningkatkan pendapatan Kuin," katanya.

Tambahnya, kaedah tersebut juga dapat membantu kolej-kolej lain untuk meningkatkan keupayaan masing-masing.